



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Program Meet And Greet Secara Dalam Talian Anjuran Misi Akademik dan PPT UiTM Mukah

Disediakan oleh
Nor Hilaliyah Mohd Jamil
Aisyah Nazamud-din
Arif Azizi Che Harun

Sebuah program anjuran jawatankuasa Misi Akademik dan PPT UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah diadakan dengan jayanya secara maya pada 14 Jun 2021. Pendekatan program kali ini agak berbeza kerana ia dilakukan secara atas talian iaitu menggunakan platform Facebook Live melalui laman rasmi Facebook UiTM Cawangan Sarawak Kampus UiTM. Program yang berlangsung selama satu jam ini memfokuskan penglibatan bersama dengan wakil kaunselor sekolah, ibu bapa dan juga bakal pelajar dari seluruh Malaysia.

Program ini dimulakan dengan pengenalan ringkas daripada moderator program iaitu Encik Arif Azizi Che Harun selaku Penyelaras Misi Akademik UiTM Kampus Mukah. Seterusnya, Encik Pengiran Saifudzin (Panel Pertama) mewakili Penolong Rektor, Dr Khadijah Khalid memberikan taklimat berkenaan 'Slot Perkenalan UiTM Kampus Mukah' yang menerangkan tentang lokasi, infrastruktur dan fasiliti yang terdapat di UiTM Kampus Mukah. Penerangan ringkas dan padat berkenaan dengan program yang ada di UiTM Kampus Mukah dan syarat kelayakan telah diberikan oleh Panel Kedua dan Panel Ketiga iaitu Encik Muhamad

Syukrie Abu Talip iaitu Ketua Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, dan Puan Dayang Hummida Abang Abdul Rahman iaitu Ketua Pusat Pengajian Pengurusan dan Perniagaan. Selain daripada itu, bidang kerjaya dan prospek kerjaya bagi setiap program juga diterangkan secara jelas oleh kedua-dua panel. Sepanjang program ini berlangsung, terdapat lebih kurang 1500 penonton yang mengikuti lintas langsung program ini melalui Facebook rasmi UiTM Kampus Mukah.

Diharapkan objektif penganjuran program kali ini tercapai iaitu dapat memperkenalkan dan mempromosikan kesemua program diploma dan pra diploma yang ditawarkan oleh UiTM Kampus Mukah, khususnya kepada bakal pelajar bukan sahaja di Sarawak, bahkan di seluruh Malaysia.



